

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 4  
RUANGAN : NASIONAL

# Minda Pengarang



## KKM, PBT perlu kerjasama kuat kuasa jualan e-rokok, vape

**Akhirnya**, tempoh 183 hari yang pernah diumpamakan 'wild wild west' kepada penjualan produk rokok elektronik atau e-rokok dan vape mempunyai cecair dan gel nikotin akan tamat sejak ia dikeluarkan daripada Akta Racun 1952 pada 31 Mac tahun lalu. Ini kerana Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) bakal dikuatkuasakan, Selasa depan.

Bermakna syarat lebih ketat bakal dikenakan kepada kepada peniaga dan pembeli rokok serta rokok elektronik, sekali gus menjadi usaha kerajaan membendung kemudahan produk tembakau dan rokok elektronik terhadap kesihatan rakyat. Memang, penguatkuasaan Akta 852 menjadi takah penting dalam perjuangan mengekang tabiat merokok dan rokok elektronik terutama dalam kalangan generasi muda serta remaja tetapi ia sesekali tidak boleh dianggap penamat.

Ini kerana kajian Global Adult Tobacco Survey (GATS) 2023 mendapati peningkatan ketara dalam penggunaan rokok elektronik di negara ini, terutama individu berusia 15 hingga 24 tahun. Ia menjadikan usaha mengekang penggunaan bahan berkenaan dalam kalangan generasi yang kritikal kepada masa depan negara itu membimbangkan, sekali gus memerlukan penguatkuasaan lebih menyeluruh.

Cabaran sebenar terletak pada memastikan penguatkuasaan Akta 852 tidak sekadar hangat-hangat tahi ayam. Pengalaman pelaksanaan peraturan kawalan hasil tembakau sebelum ini, menunjukkan penguatkuasaan tidak berterusan akan melemahkan keberkesanannya. Ketika Menteri Kesihatan, Dr Dzulkefly Ahmad menerima tanggungjawab sama kali pertama pada 2018, operasi penguatkuasaan agresif dengan menasarkankan individu ingkar larangan merokok di tempat awam termasuk restoran dan kedai makan tetapi fokus Kementerian Kesihatan (KKM), negara dan dunia kemudian teralih kepada agenda mengekang pandemik COVID-19.

Apapun, KKM kali ini tidak boleh bersendirian menguatkuasakan Akta 852, sebaliknya memerlukan kerjasama semua, termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) yang memiliki kuasa pelesenan terutama premis perniagaan. Tanggungjawab PBT sama pentingnya dalam dalam mengawal penjualan rokok dan vape di tempat awam, terutama di pasar malam, uptown dan downtown yang kini menjadi sebahagian 'produk wajib ada' meskipun lokasinya sesak serta pengunjungnya termasuk remaja dan kanak-kanak.

Pada masa sama, kita mengingatkan pengusaha dan peniaga untuk mematuhi Akta 852. Mereka tidak boleh hanya mematuhi undang-undang ketika ada penguatkuasa tetapi 'apabila kucing tiada, tikus menjadi raja'. Kita tidak mahu demi mengejar keuntungan, mereka bersikap sambil lewa dengan tidak memeriksa pembeli mencurigakan terutama dari aspek usia. Kita mengingatkan 'kejahilan tidak boleh dijadikan alasan untuk melanggar undang-undang', malah sesiapa yang gagal mengikut peraturan perlu dikenakan hukuman maksimum di bawah akta berkenaan sebagai pengajaran kepada semua pihak.

Hakikatnya, isu rokok apapun bentuknya bukan hanya soal kepentingan ekonomi, sebaliknya membabitkan kesihatan awam terutama generasi muda dan perlindungan alam sekitar untuk kemaslahatan generasi masa depan. Tidak ada gunanya kita memperoleh keuntungan jangka pendek tetapi terpaksa membayarnya dengan kos tinggi ibarat dilihat gelas berlaba, dihitung pokok termakan, iaitu lahirnya saja untung, tetapi sebenarnya rugi.

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 22  
RUANGAN : NASIONAL

## Kantin SK Chepor diarah tutup selepas 101 murid keracunan

**Ipoh:** Kantin Sekolah Kebangsaan (SK) Chepor, di sini yang dipercayai menyebabkan 101 murid mengalami keracunan selepas dikatakan makan ayam goreng dan minuman coklat, diarah tutup 14 hari sehingga 8 Oktober depan.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr Feisul Idzwan Mustapha, berkata penutupan kantin itu dilakukan mengikut Seksyen (11) Akta Makanan 1983.

Katanya, hasil siasatan awal pihaknya mendapati, kejadian keracunan makanan itu berpunca daripada minuman bancuhan

berperisa coklat dan ayam goreng yang disediakan di dapur kantin itu.

"Murid mengadu minuman berperisa coklat yang dijual pada 24 September lalu berbau masam semasa diminum.

"Selain itu, ayam goreng yang dijual didapati tidak dimasak dengan sempurna dan sebahagian daging ayam masih mentah.

"Berdasarkan gejala yang di-



Feisul Idzwan

tunjukkan mangsa dan tempoh inkubasi, disyaki agen yang menyebabkan keracunan ini adalah *Salmonella* spp.

"Pemeriksaan premis kantin SK Chepor pada semalam (kelmarin) turut mendapati penilaian premis makanan berasaskan risiko adalah tidak memuaskan dengan tahap rating 67.9 peratus," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, media melaporkan

101 murid SK Chepor membabitkan 50 perempuan dan 51 lelaki menunjukkan gejala muntah, cirit-birit, sakit perut dan demam.

Mengulas lanjut, Feisul Idzwan berkata, seorang murid dimasukkan ke wad kanak-kanak Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) untuk rawatan dan berada dalam keadaan stabil.

"Seramai 62 murid lagi menerima rawatan sebagai pesakit luar di klinik kesihatan dan klinik swasta yang berhampiran dengan kawasan rumah masing-masing.

"Baki pelajar lain didapati

hanya mengalami simptom ringan dan berehat di rumah masing-masing," katanya memberi jaminan semua kes berada dalam keadaan stabil.

Bagi penilaian lanjut, beliau berkata, 10 sampel klinikal *stool culture and sensitivity* diambil dalam kalangan pelajar yang bergejala dan dihantar ke Makmal Kesihatan Awam, Ipoh, kelmarin untuk dianalisis.

Ia membabitkan sampel makanan proxy, sampel air, sampel swab pisau, papan pemotong, permukaan meja serta tiga sampel swab pengendali.

AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : NEGARA

16 **Negara!**

Kosmo! JUMAAT 27 SEPTEMBER 2024

101 murid keracunan, kantin SK Chepor tutup dua minggu

## Air coklat, ayam goreng jadi 'racun'

Oleh MEGAT LUTFI MEGAT RAHIM

**IPOH** – Seramai 101 orang murid Sekolah Kebangsaan (SK) Chepor, di sini kelmarin mengalami keracunan makanan berpunya minuman bancuhan berperisa coklat dan ayam goreng yang disediakan di dapur kantin sekolah itu.

Pengerusi Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A. Sivanesan berkata, Jabatan Kesihatan Perak melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta pada awalnya menerima notifikasi mengenai lima pelajar sekolah itu mengalami gejala keracunan pada pukul 8 pagi kelmarin.

"Antara gejalanya adalah cirit, muntah, sakit perut dan demam dan menerima rawatan di dua fasiliti kesihatan di sekitar Ipoh.

"Hasil siasatan pengesanan kes aktif seramai 96 orang kes lagi telah dikesan sehingga jam 5 petang semalam (kelmarin) menjadikan jumlah keseluruhan 101 orang melibatkan 50 murid perempuan dan 51 murid lelaki.

"Seorang murid sekolah terse-



KANTIN di SK Chepor, Ipoh ditutup dua minggu ekoran kes 101 muridnya keracunan makanan kelmarin.

but dimasukkan ke wad kanak-kanak Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh untuk mendapatkan rawatan dan berada dalam keadaan stabil," katanya di sini semalam.

Katanya, seramai 62 murid

lagi telah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di klinik kesihatan dan klinik swasta berhampiran dengan kawasan rumah masing-masing.

"Baki pelajar lain didapati hanya mengalami simptom-

simptom yang ringan dan telah berehat di rumah masing-masing. Kesemua kes berada dalam keadaan stabil.

"Berdasarkan hasil siasatan awal, makanan yang disyaki menjadi punca kejadian wabak

keracunan makanan tersebut ialah minuman bancuhan berperisa coklat dan ayam goreng yang disediakan di dapur kantin tersebut," katanya.

Ujarnya, agen yang disyaki menyebabkan keracunan ini ialah salmonella spp berdasarkan gejala dan tempoh inkubasi kes.

"Pihak PKD Kinta telah membuat pemeriksaan premis kantin SK Chepor semalam (kelmarin) dan mendapati penilaian premis makanan berasaskan risiko adalah tidak memuaskan dengan tahap rating 67.9 peratus.

"Sehubungan itu, pihak PKD Kinta telah mengeluarkan arahan penutupan kantin SK Chepor selama 14 hari di bawah Seksyen (11) Akta Makanan 1983.

"Selain itu, satu kompaun dikeluarkan atas kesalahan pemakaian aksesori sewaktu mengendalikan makanan," katanya.

Kelmarin, Pengerusi Pendidikan, Pengajian Tinggi, Belia dan Sukan Perak, Khairudin Abu Hanipah memaklumkan, seramai 86 murid SK Chepor, di sini dilaporkan mengalami gejala keracunan makanan melibatkan murid sesi pagi dan petang.

AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 26  
RUANGAN : NEGERI

26

NEGERI

SINAR HARIAN • JUMAAT 27 SEPTEMBER 2024

TELUS & TULUS  
**Sinar**  
Harian

SELANGOR/KL PERAK JOHOR

TELUS &amp; TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

Kantin SK Chepor diarah  
tutup 14 hari, penilaian  
premis makanan  
tidak memuaskan

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
IPOH

Jumlah murid Sekolah Kebangsaan (SK) Chepor di sini yang mengalami keracunan makanan meningkat kepada 101 orang berbanding 86 orang yang dilaporkan pada Rabu.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Nasional Perak, A Sivanesan berkata, Jabatan Kesihatan Perak melalui Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta pada awalnya menerima notifikasi jam 8 pagi Rabu mengenai lima orang pelajar sekolah berkenaan mengalami gejala keracunan makanan seperti cirit-birit, muntah, sakit perut dan demam serta dirawat di dua fasiliti kesihatan di sekitar Ipoh.

Menurutnya, hasil siasatan pengesanan kes aktif seramai 96 orang kes lagi telah dikesan hingga jam 5 petang pada Rabu menjadikan jumlah keseluruhan kes adalah sebanyak 101 orang melibatkan 50 orang murid perempuan dan 51 orang murid lelaki.

"Seorang murid sekolah tersebut telah dimasukkan ke wad kanak-kanak Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh untuk rawatan dan berada dalam keadaan stabil.

"Seramai 62 orang murid lagi telah mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar di klinik kesihatan dan klinik swasta yang berhampiran kawasan rumah masing-masing.

"Baki pelajar yang lain didapati hanya mengalami simptom-simptom yang ringan dan telah berehat di rumah masing-masing. Kesemua kes berada dalam keadaan stabil," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Sivanesan berkata, sebanyak 10 sampel klinikal diambil dalam kalangan murid yang bergejala selain beberapa sampel makanan, swab pisau, swab papan pemotong dan permukaan meja serta tiga sampel swab pengendali juga telah diambil seterusnya dihantar untuk dianalisis di Makmal Kesihatan Awam di sini.

Menurutnya, siasatan awal mendapati makanan yang disyaki menjadi punca keracunan makanan tersebut ialah minuman bancuhan berperisa coklat dan ayam goreng yang disediakan di dapur kantin tersebut.

Jelasnya, agen yang disyaki menyebabkan keracunan itu ialah salmonella spp berdasarkan gejala dan tempoh inkubasi kes.

"Pihak PKD Kinta telah membuat pemeriksaan premis kantin SK Chepor pada 25 September 2024 dan mendapati pe-

# Jumlah murid keracunan makanan meningkat



PKD Kinta mendapati penilaian premis makanan berasaskan risiko di kantin SK Chepor adalah tidak memuaskan iaitu pada tahap 67.9 peratus.

nilaian premis makanan berasaskan risiko adalah tidak memuaskan pada tahap 67.9 peratus.

"Sehubungan itu, PKD Kinta telah mengeluarkan arahan penutupan kantin SK

Chepor selama 14 hari di bawah Seksyen (11) Akta Makanan 1983. Selain itu, satu kompaun juga telah dikeluarkan atas kesalahan pemakaian aksesori sewaktu mengendalikan makanan," katanya lagi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Tolak desakan pemain industri vape - CAP

**GEORGE TOWN:** Kerajaan disaran menolak memorandum oleh pemain industri vape yang mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengambil langkah intervensi terhadap peraturan ditetapkan di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852).

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, dalam hal ini, penolakan memorandum yang dikemukakan gabungan lima persatuan vape tempatan itu mesti dibuat dengan tegas bagi melindungi kepentingan awam.

"Walaupun industri vape mendakwa mereka sebagai penjana hasil yang penting, tuntutan ini tidak setanding dengan kos perubatan tinggi yang perlu ditanggung oleh pembayar cukai.

"Tambahan pula, rayuan pemain industri untuk berbincang dengan Kementerian Kewangan yang ditinjau oleh Perdana Menteri menimbulkan kebimbangan tentang komitmen Malaysia terhadap Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO FCTC)," katanya di sini, semalam.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 32  
RUANGAN : DALAM NEGERI

32

Utusan Malaysia  
JUMAAT • 27 SEPTEMBER 2024

Dalam Negeri

# Keracunan: Kantin SK Chepor diarah ditutup 14 hari

Oleh ASLIZA MUSA  
utusannews@mediamulla.com.my

**IPOH:** Kantin Sekolah Kebangsaan (SK) Chepor diarah ditutup 14 hari berikutan kes keracunan makanan membabitkan seramai 101 murid, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A. Sivanesan berkata, penutupan sehingga 8 Oktober itu dibuat selepas mendapati penilaian premis makanan berasaskan risiko tidak memuas-

kan dengan tahap rating 67.9 peratus.

Katanya, tindakan menutup premis itu dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kinta di bawah Seksyen (11) Akta Makanan 1983.

"Selain itu, satu kompaun juga dikeluarkan atas kesalahan pemakaian aksesori sewaktu mengendalikan makanan," katanya di sini, semalam.

Menurut beliau, sebanyak 10 sampel klinikal diambil dalam kalangan murid yang bergejala dan dihantar ke Makmal Kesih-

tan Awam, Ipoh (MKAI) untuk dianalisis, semalam.

Katanya, ia termasuk satu sampel makanan proksi, satu sampel air, satu sampel calitan pisau, satu sampel calitan papan pemotong dan permukaan meja serta tiga sampel calitan pengendali.

"Berdasarkan siasatan awal, makanan yang disyaki menjadi punca kejadian wabak keracunan makanan ini adalah minuman bancuhan berperisa coklat dan ayam goreng yang disediakan di dapur kantin tersebut.

"Pelajar-pelajar telah mengadu bahawa minuman berperisa coklat yang dijual di kantin kelmarin (Isnin) berbau masam semasa diminum.

"Selain itu, pelajar turut mengadu ayam goreng yang dijual tidak dimasak dengan sempurna dan sebahagian daging ayam masih mentah," katanya.

Tambah beliau, ejen yang disyaki menyebabkan keracunan tersebut adalah salmonella spp berdasarkan gejala dan tempoh inkubasi kes.

Media kelmarin melaporkan,

seramai 86 murid SK Chepor mengalami simptom keracunan makanan selepas muntah dan cirit-birit.

Berdasarkan laporan dari Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kinta Utara, kejadian difahamkan berlaku bermula pukul 10.50 pagi melibatkan murid sesi pagi dan petang.

Hasil siasatan pengesanan kes aktif dikenal pasti menjelang pukul 5 petang kelmarin, menjadikan jumlah keseluruhan kes kepada 101 murid (50 perempuan dan 51 lelaki).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 37  
RUANGAN : EKONOMI

# Cukai rokok, arak, gula dijangka naik



Oleh ZAKKINA WATI  
AHMAD TARMIZI  
zakkina.tarmizi@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Cukai rokok dan minuman keras mungkin dinaikkan dalam Belajawan 2025 yang bakal dibentangkan bulan depan, kata RHB Investment Bank Bhd.

Bank pelaburan berkata, ini memandangkan kali terakhir kenaikan duti eksais dilaksanakan adalah pada tahun 2014 dan 2016.

"Kami tidak menolak kemungkinan tinggi duti eksais ditingkatkan bagi produk rokok dan minuman keras," katanya dalam nota penyelidikan semalam.

Menurut laman web Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), duti eksais merupakan duti yang ditetapkan oleh menteri di bawah Seksyen 6, Akta Eksais 1976 yang dikenakan ke atas barangan berduit yang dikilang oleh syarikat yang dilesenkan di bawah Seksyen 20, Akta Eksais 1976.

Duti ini juga dikenakan ke atas barangan yang sama sewaktu diimport. Barangan tertakluk kepada duti eksais diwartakan dalam Perintah Duti Eksais 2022 antaranya minuman bergula, kenderaan bermotor, minuman keras dan rokok termasuk tembakau dan cerut.

Menurut RHB Investment Bank, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad baru-baru ini mendedahkan banyak perancangan diusahakan demi



KALI terakhir duti eksais ke atas rokok dan arak dilaksanakan adalah pada tahun 2014 dan 2016.

mengatasi masalah pengambilan gula.

"Dengan ini, cukai gula mungkin akan dinaikkan untuk barangan sedia ada dan skop penguatkuasaannya juga akan diperluaskan kepada lebih banyak produk lain.

"Mempertimbangkan perlu-

asan skop cukai ini, perkara ini seharusnya akan menjejaskan Power Root, manakala Farm Fresh Berhad (FFB) dan Nestle mungkin terkesan sekiranya skop ini dikembangkan kepada minuman berasaskan susu atau ais krim," katanya.

Firma berkata, Belajawan

2025 sepatutnya lebih mesra pengguna dengan mengetengahkan langkah-langkah baik seperti bantuan kewangan tunai, ganjaran bonus kepada penjawat awam dan bantuan cukai pendapatan bagi menggalakkan penggunaan.

"Sementara itu, kami me-



Cukai gula mungkin akan dinaikkan untuk barangan sedia ada dan skop penguatkuasaannya juga akan diperluaskan kepada lebih banyak produk lain."

nanti-nantikan butiran lanjut mengenai pelaksanaan program subsidi bersasar petrol dan memerhati sama ada pihak kerajaan merancang untuk memperkenalkan cukai jualan dan barangan (GST) semula," katanya.

Dalam pada itu, bank pelaburan berkata, sentimen sektor pengguna seharusnya terus berada dalam keadaan suram sehingga impak daripada pelaksanaan pewajaran subsidi dapat dikenal pasti dengan lebih jelas.

"Terdapat juga ura-ura yang menyatakan GST mungkin diperkenalkan semula yang akan mendatangkan kesan ketara terhadap sentimen dalam kalangan pengguna dan seterusnya menyebabkan keadaan menjadi lebih tidak menentu.

"Sungguhpun begitu, kami yakin walaupun perbelanjaan pengguna tidak begitu menggalakkan, ia akan mendapat dorongan daripada pasaran pekerjaan yang stabil dan program bantuan kerajaan yang terus dilaksanakan seperti bantuan kewangan tunai dan subsidi," katanya.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 16  
RUANGAN : VIEWS

I HAVE a lot of respect for Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad. Dr Dzul, as we in the public healthcare sector affectionately think of him, is a good man and we know he is trying his very best to fix our public health service.

It appears that the government does not plan to invest a lot more in public healthcare, i.e. there is not going to be any major increase in health spending in the coming budget or near future. In addition, we see no concrete plans for a meaningful solution to improve the conditions and remuneration of public healthcare professionals.

This ties up our Health Minister's hands, hence Dr Dzul is looking for alternatives to support our healthcare professionals. Expanding the Full Paying Patients (FPP) service is one such suggestion.

Dr Dzul and all of us in the health profession are acutely aware that healthcare professionals in the Health Ministry are demoralised and exhausted. We know that there is an enormous

# Increasing budget for healthcare the only option

drain of human resource from the public to the private sector and abroad not just of specialists/ doctors but also of nurses, pharmacists, and other allied health professionals. The nursing shortage is at a crisis level.

But having said this, I am of the opinion that expanding the FPP service is not the solution.

Most of us who serve in the public health service do so because we want to make a difference in the lives of Malaysians, especially those who cannot afford care in the private sector.

Most of us have no time for anything else at work from the time we arrive till we leave for the day.

If specialists are engaged in the FPP service, they would not have enough time for normal patients, and their younger colleagues would have to shoulder that burden. Care for these patients could be compromised.

Who will benefit from the FPP service? It will be the upper and perhaps the middle segments of the middle class, not the 60% of our population who desperately need and depend on the public health services for their care.

This means those who have money can easily access healthcare while the poor are further marginalised.

We need better, more sustainable and reform-based changes to

our public health services. We need progressive improvements in the conditions and remuneration for our health staff.

We cannot allow them to feel demoralised and undervalued any longer. We must give them hope for the future. They work long hours with more and more demands placed on them. The Covid-19 pandemic revealed how poorly we supported them and their families.

Private health insurance and social health insurance are not good solutions. We need increased spending on our public health services with more focus on preventive health efforts.

This can come from improving

tax-funded healthcare.

There are no easy fixes or solutions, but I do believe that we can salvage our ailing public health service and retain all categories of our healthcare professionals.

For the latter, they should be given better conditions and support that allow them to focus fully on their jobs and not worry about resources for patients or their family's needs.

Basic health is a human right and not one which citizens should have to pay dearly to receive.

**DATUK DR AMAR-SINGH HSS**  
Consultant paediatrician and  
child disability activist  
Ipoh

## Kudos to government for Health Act's timely enforcement

THE Control of Smoking Products for Public Health Act 2024, which includes control on vape products, will come into force on Oct 1 despite a memorandum from five associations representing over 2,000 vape traders urging amendments to the law.

While the vape industry claims to be a significant revenue generator, this assertion pales in comparison with the enormous medical costs shouldered by taxpayers.

The vape industry's rhetoric mirrors that of the tobacco industry, which is now heavily regulated under the World Health Organisations' Framework Convention on Tobacco Control (WHO FCTC).

While vaping is marketed as a safer alternative to smoking tobacco as well as a tool for smoking cessation, these claims are often misleading.

Prominent displays of vape products in stores, combined with attractive packaging, play a crucial role in influencing consumer behaviour while downplaying the health risks.

Research shows that such marketing strategies encourage non-smokers and teenagers to start using these products. Vape liquids sold in larger volumes further promote frequent use, leading to higher nicotine intake and greater exposure to harmful chemicals in the aerosol.

The Malaysia Retail Electronic Cigarette Association has called on the Health Ministry for a one-year phase-out period to sell off existing stock. This echoes the tobacco industry's response to the introduction of Pictorial Health Warnings in 2008, where companies sought grace periods of up to two years, citing significant costs and logistical concerns.

However, the Health Ministry did not budge, having already announced during the World No Tobacco Day on May 31, 2008 that PHW would be implemented by January 2009.

The growing popularity of vaping among youths is a serious public health concern. According to the National Health and Morbidity Survey 2022, the use of cigarettes and vapes among Malaysians aged 13 to 17 rose from 9.8% in 2017 to 14.9% in 2022 while cigarette smoking rates in this group dropped from 13.8% to 6.2%.

The economic case for the vape industry is further weakened by rising healthcare costs related to vaping-related illnesses.

Most affected individuals will likely seek treatment in public hospitals, exacerbating the strain on an already overburdened healthcare system.

The cost of treating cigarette or vaping-associated lung injury (EVALI) is expected to reach RM369mil annually by 2030. Combined with other hidden costs, this will far exceed the RM500mil in annual revenue that vape taxes could generate. According to former Health Minister Dr Zaliha Mustafa, each EVALI patient costs around RM150,000 to treat.

The Consumers' Association of Penang urges the Malaysian government to uphold its obligations under the WHO FCTC and prioritise the health of the public over the profits of the vape industry. It must remain steadfast in its commitment to protecting public health.

**MOHIDEEN ABDUL KADER**  
President  
Consumers' Association of  
Penang

## Avoid using uncertified medical devices

IN Malaysia, blood pressure monitoring devices are regulated by the Medical Devices Authority (MDA). Only those with a certificate of approval from the MDA can be sold in the market, and they are usually priced between RM100 and RM300 per unit.

Recently, a doctor posted a video on social media to raise concerns over low-quality blood pressure monitors or BP meters that are easily purchased online for as low as RM15.

He warned about the dangers of using uncertified health monitoring devices, saying they could potentially lead to a public health emergency.

Uncertified BP meters often provide inconsistent or incorrect readings, leading to false perceptions of blood pressure levels. Patients using these devices could make inappropriate adjustments to their medication without proper medical guidance.

Having monitored the rampant availability of these cheap, uncertified BP meters on eCommerce platforms, Alpro Pharmacy is cautioning the public to be more vigilant when purchasing health monitoring devices.

To check if the BP meters are registered, verify the registration status on the MDA website: <https://mdar.mda.gov.my/frontend/web/index.php?r=carian>.

Alternatively, purchasers can bring their BP meter to a nearby community pharmacy to check the authenticity of the device.

The same must be done for other health monitoring devices such as glucometers and pulse oximeters, which must be purchased from trusted sources to guarantee their accuracy and reliability.

**LIM EN NI**  
Chief pharmacist  
Alpro Pharmacy Malaysia